

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang masalah penglibatan pelajar sekolah dalam aktiviti pengambilan dadah terutama di kawasan sempadan dan apakah usaha Kerajaan untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati risiko penglibatan dadah dalam kalangan murid sekolah adalah sama di semua daerah sama ada di kawasan sempadan atau pun bukan sempadan. Oleh itu, program pendidikan pencegahan dadah (PPDa) dan pendidikan intervensi telah dilaksanakan kepada semua murid sekolah rendah dan sekolah menengah melalui pendekatan kurikulum, kokurikulum dan pembangunan sahsiah. Murid-murid sekolah rendah dan menengah telah diberikan maklumat bahaya dadah melalui aktiviti berikut:

- a) Pengajaran tajuk penyalahgunaan bahan dalam subjek Kesihatan
- b) Program 5 minit antidadah yang diadakan semasa perhimpunan sekolah
- c) Penyebaran maklumat melalui bilik /lalan/sudut PPDa sebagai satu *one stop centre*.

- d) Minggu antidadah yang melibatkan aktiviti ceramah, pameran dan pertandingan Boria, Dikir Barat dan melukis Poster.
- e) Penubuhan Skim Lencana Antidadah (SLAD) untuk murid-murid sekolah menengah.

Di samping itu, KPM juga melaksanakan program-program kepimpinan kepada murid-murid supaya mereka dapat menyebarkan mesej bahaya dadah kepada rakan sebaya. Program-program seperti Sahabat PPDa, Skim Lencana Antidadah (SLAD) banyak membantu guru dalam menjayakan program pencegahan dadah di sekolah. Pendidikan Intervensi pula dilaksanakan kepada murid-murid yang berisiko iaitu murid-murid yang mempunyai rekod ponteng, merokok dan terlibat mencuba dadah. KPM telah menetapkan supaya semua murid yang dikesan terlibat dadah perlu menjalani kaunseling Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah. Dalam hal ini, KPM sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan iaitu Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Kesihatan, PDRM dan NGO seperti PEMADAM dan PENGASIH bagi melaksanakan program-program yang boleh membantu murid-murid sekolah mengelakkan diri daripada dadah.